

# FPLUMS paling aktif anjur kempen derma darah di S'kan

NST 2.8.2016

**SANDAKAN:** Fakulti Pertanian Lestari (FPL), UMS Sandakan muncul sebagai penerima Anugerah Organisasi Paling Aktif menganjurkan kempen derma darah di Sandakan sepanjang tahun 2015.

Penganjur Kempen Derma Darah UMS Sandakan, Wilson Azahari berkata, penghargaan tersebut telah disampaikan Hospital Dutchess Of Kent (HDOK) dalam satu Majlis Penghargaan kepada organisasi dan masyarakat awam sempena sambutan Hari Penderma Darah Sedunia baru-baru ini.

Ketika dihubungi beliau berkata, FPL UMS Sandakan dipilih setelah menjadi organisasi yang paling banyak menganjurkan kempen derma darah iaitu sebanyak enam kali.

“Penghargaan atau pengiktirafan bukanlah menjadi keutamaan tetapi atas kesedaran dan sebagai tanda sokongan kepada pihak Tabung Darah HDOK Sandakan bagi menampung

kekurangan darah yang sering berlaku terutamanya ketika menjelang musim-musim perayaan,” katanya.

Wilson berkata, ia secara tidak langsung dapat mempromosikan FPL, UMS kepada masyarakat sekitar Sandakan.

Majlis penyampaian anugerah disampaikan Pengarah HDOK, Dr. Francis Paul.

Selain daripada Anugerah Organisasi Paling Aktif, Dr. Francis Paul turut menyampaian penghargaan kepada organisasi yang berjaya mendapatkan jumlah penderma terbanyak serta penderma darah paling aktif yang terdiri daripada masyarakat awam, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan kalangan staf HDOK sendiri.

FPL bakal mengadakan program Kempen Derma Darah seterusnya pada 28 Oktober 2016 sempena sambutan Ulang Tahun Fakulti Pertanian Lestari yang ke-10 pada 24-30 Oktober 2016.



BERSAMA ... Dr Francis bersama wakili organisasi penganjur dan peserta derma darah.



SIJIL ... Dr Francis menyampaikan sijil kepada salah seorang penderma.



DERMA DARAH ... sebahagian peserta yang menderma darah.